Hasil rundingan di antara kerajaan kedua-dua buah negara, Malaysia akhirnya telah berjaya mengeksport durian sejuk beku dalam bentuk ulas dan pes bermula pada Mei 2011.

"Nilai eksport pada tahun 2018 dalam bentuk ini adalah RM9.445 juta (235.62 tan metrik)," katanya.

Sementara itu, Tian mengalu-alukan kemasukan durian Malaysia yang disifatkannya terbaik di dunia, ke China.

Beliau yang mengakui penggemar durian yakin, durian Malaysia akan mendapat sambutan menggalakkan daripada 1.4 bilion penduduk China khususnya dalam kalangan 300-400 juta golongan pertengahan.

"Mereka menanti kedatangan durian terbaik dari Malaysia. Saya berharap perdagangan ini akan berkembang maju.

"Ini pastinya akan memberi manfaat kepada lebih ramai penanam durian di Malaysia dan saya juga menyokong inisiatif mewujudkan pelancongan durian," katanya.



SALAHUDDIN AYUB diiringi Sim Tze Tzin dalam majlis pelancaran pengeksportan sulung buah durian sejuk beku dalam bentuk biji dari Malaysia ke China di Putrajaya, semalam. Turut hadir, Bai Tian (dua dari kiri). – BERNAMA

# Simen bukan penentu harga rumah turun

KUALA LUMPUR 17 Jun - Mekanisme penentuan harga sesebuah rumah tidak hanya bergantung kepada penurunan harga simen, sebaliknya melihat secara keseluruhan kos yang ditanggung pemaju.

Bekas Timbalan Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda), Datuk Mohd. Khalid Harun berkata, ini kerana penentuan harga rumah itu dibuat berdasarkan kepada banyak faktor termasuk kos keseluruhan pengeluaran.

Katanya, meskipun harga sesuatu barang akan turun seperti simen juga tidak menjamin harga rumah akan turun.

"Harga sesebuah rumah berpandukan kepada keseluruhan kos meliputi harga bahan mentah, upah dan bukan bergantung kepada simen sahaja.

"Walaupun harga simen naik, harga rumah tetap sama seperti yang ditetapkan. Begitu juga sebaliknya sekiranya harga simen turun, harga rumah juga sama namun, langkah itu boleh mengekalkan harga sedia ada pada masa akan datang," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng mengenai langkah kerajaan untuk meneliti dan berbincang berhubung kenaikan mendadak harga simen di pasaran ketika ini yang mencecah antara 40 hingga 50 peratus.

Sementara itu, Pemaju hartanah, Datuk Yasran Hussien berkata, usaha kerajaan untuk menurunkan harga simen akan membantu mengekalkan harga rumah dalam pasaran sedia ada.

"Sekiranya berlaku kenaikan dalam pada kos pembinaan, sudah pasti harga rumah akan naik, tetapi jika berlaku penurunan harga sesuatu bahan mentah seperti simen, harga rumah tidak akan turun sebaliknya akan kekal seperti biasa.

"Hal ini kerana, harga simen bukanlah faktor besar yang mendorong kepada usaha untuk-kita turunkan harga rumah. Banyak faktor lain yang perlu diambil kira," jelasnya.

# Dividen Skim Pelaburan Khas Peladang 2018 lapan peratus

KUALA LUMPUR 17 Jun - Dividen Skim Pelaburan Khas Peladang di bawah Dana Peladang Kebangsaan bagi tahun kewangan 2018 diumumkan sebanyak lapan peratus.

Jumlah keseluruhan agihan dividen itu bagi 2018 adalah sebanyak RM7.6 juta, naik 0.7 peratus berbanding RM7.5 juta pada 2017.

Pengumuman berkenaan dibuat oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Salahuddin berkata, dividen tersebut akan memberi manfaat kepada seramai 5,119 pelabur.

Beliau berkata, dividen itu sedikit berkurangan bagi 2018 berbanding 2017 yang mencatatkan dividen 10 peratus, namun, ia memberi pulangan yang kompetitif.

"Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) digantung operasi pada Jun 2018 hingga Januari lalu berikutan penyusunan semula kepemimpinan tertinggi Nafas. Tetapi ia mampu beri dividen pada 2018.

"Pengarah-pengarah baharu begitu komited dan mungkin pada 2019 akan lebih baik pencapaiannya," katanya selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Nafas 2019 di Tropicana Golf and Country Club, Petaling Jaya dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Ahli Jemaah Nafas, Datuk Phahrolrazi Mohd. Zawawi dan Pengurus Besar Nafas, Ahmad Shaari.

# Benarkan tanah terbiar dibangunkan pesawah

ALOR SETAR 17 Jun - Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mencadangkan kerajaan membangunkan tanah terbiar di seluruh negara sebagai salah satu cara membantu meningkatkan pendapatan pesawah.

Pengerusinya, Che Ani Mat Zain berkata, tanah-tanah terbiar yang dianggarkan lebih 100,000 hektar itu boleh memberi nilai tambah kepada para petani sekiranya ia diusahakan untuk tanaman kontan.

Menurutnya, jumlah keluasan tanah bagi kawasan Semenanjung tersebut diperoleh pihaknya berdasarkan laporan daripada Bahagian Perancangan Strategi Jabatan Pertanian.

"Petani MADA bersetuju dengan cadangan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menyeru pesawah meningkatkan pendapatan mereka, tetapi kawasan sawah tidak sesuai kerana ia adalah tradisi kepada penanaman padi.

"Oleh itu, kita cadangkan kerajaan bangunkan tanah-tanah terbiar dan usahakan secara bersama-sama dengan pesawah sebagai sumber pendapatan tambahan kepada mereka," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Dr. Mahathir baru-baru ini yang melaporkan kerajaan mengenal pasti beberapa langkah untuk menangani kemiskinan golongan pesawah yang selama ini bergantung kepada pemberian subsidi termasuk mencadangkan mereka mengusahakan tanaman kontan.

Perdana Menteri turut berkata, beberapa perkara dikenal pasti menyebabkan pesawah masih berada dalam garis kemiskinan seperti mempunyai sawah yang terlalu kecil dan tidak efisien.

Sementara itu, Che Ani berkata, dasar keselamatan makanan negara perlu diperkukuhkan dan mencontohi negara-negara maju yang memperuntukkan bajet yang tinggi bagi mengurangkan kebergantungan kepada import.

"Dasar kerajaan perlu dilihat dan dikaji semula kerana peranan kerajaan lebih besar dan luas, malah kerajaan juga perlu mengekalkan subsidi berjumlah RM1.8 bilion kepada para pesawah bagi menjamin kelangsungan sektor itu.

"Malah, agensi-agensi berkaitan dengan industri padi perlu sama-sama menyelesaikan masalah yang dihadapi pesawah seperti padi angin, benih tidak bermutu, sistem pemotongan berat padi yang tidak telus dan ancaman makhluk perosak," ujarnya.

Tambah beliau, kegagalan menyelesaikan masalah tersebut akan menyebabkan pesawah boleh kehilangan sumber pendapatan selain gagal meningkatkan hasil 10 tan metrik sehektar seperti mana dimahukan pihak MADA.

"Kerajaan juga gagal menarik minat golongan muda untuk menceburi sektor tanaman padi kerana pendapatan rendah. Sekiranya mereka berjaya menyelesaikan masalah ini, saya percaya pendapatan pesawah akan meningkat," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/6/2019 | MINGGUAN AMANAH | NASIONAL | 13 |

# Padi wangi MRQ76 setaraf beras wangi import

**PADI** wangi varieti MRQ76 yang berjaya dalam tanaman ujiannya di **Selising, Pasir Puteh** membuktikan bahawa padi berkenaan adalah setaraf dengan beras **wangi yang diimport** dari Thailand dan Vietnam.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Senator Datuk Husam Musa sehubungan itu mahu lebih ramai pesawah dalam seliaan KADA menyahut seruan kerajaan untuk menanam padi wangi tempatan itu.

"Saya gembira apabila padi ini berjaya dalam ujian tanamannya yang sesuai untuk tanaman di negara kita. Padi ini setaraf kualitinya dengan beras wangi import yang kita makan dan ia sangat sesuai untuk kesihatan terutama pesakit diabetes," katanya baru-baru ini.

Husam berkata, untuk itu beliau akan berbincang lebih lanjut dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub untuk melihat berapa peratus jelapang KADA yang boleh ditanam padi wangi itu.

"Menteri sendiri gembira apabila melihat keberhasilan padi ini dan telah menyatakan sokongan bagi KADA dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah untuk menjadi projek perintis untuk penanaman padi ini," katanya.

Selain itu, pesawah akan menikmati subsidi kerajaan jika menanam padi wangi itu yang sebelum ini tidak pernah dinikmati oleh pesawah jika mahu menanam padi wangi.

"Ini kali pertama subsidi diberikan kepada penanam padi wangi dan sebab itu petani tidak ada alasan untuk tidak menanamnya," kata Husam.

Dengan harganya yang tinggi iaitu RM40 bagi setiap paket lima kilogram, ia mampu mengubah hidup para pesawah. Bagaimanapun, katanya, tidak semua jelapang KADA boleh ditanam padi wangi kerana ia tertakluk kepada kebenaran kementerian.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pengusaha Padi Wangi Kelantan, Zailan Awang berkata kejayaan tanaman padi ini setelah dua kali penanamannya gagal berikutan beberapa faktor terutama kemarau baru-baru ini.

"Alhamdulillah selepas kali ketiga ia berjaya dan kini padi wangi ini telah mengeluarkan hasil dan ini setelah petani mendapat kerjasama MARDI dan KADA," katanya.

Beliau berharap lebih ramai petani merebut peluang untuk menanam padi ini dan mengharapkan kementerian melalui KADA akan dapat menyediakan benih padi ini dengan secukupnya.

Zailan berkata, persatuan itu akan mengadakan pertemuan dengan pesawah lain dan akan menerangkan dengan lebih panjang mengenai kebaikan menanam padi wangi ini.

Sehubungan itu, katanya, beras wangi jenama Che Siti Wan Kembang itu akan berada di pasaran jika ia berjaya mengatasi beberapa masalah berbangkit termasuk membabitkan jumlah pengeluaran dan pasaran.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/6/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 5 |

# Dividen Nafas lapan peratus

**PETALING JAYA** - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) mengumumkan Dividen Dana Peladang Kebangsaan (DPK) 2018 sebanyak lapan peratus untuk Skim Pelaburan Khas Peladang (SPKP).

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, dana tersebut mencatatkan keuntungan sebanyak RM9.9 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 melibatkan seramai 5,119 pelabur.

"Jumlah keseluruhan agihan dividen bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM7.6 juta, naik 0.7 peratus berbanding RM7.5 juta pada tahun 2017," katanya pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Nafas 2019 di Tropicana Golf & Country Club di sini semalam.

Tambahnya, DPK sentiasa berusaha mempertingkatkan prestasi untuk menjadi lebih kukuh.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/6/2019 | KOSMO | NEGARA | 6 |

# 5,119 pelabur terima dividen 8 peratus

PETALING JAYA - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) meluluskan dividen sebanyak 8 peratus kepada 5,119 pelabur Skim Pelaburan Khas Peladang (SPKP) di bawah Dana Peladang Kebangsaan (DPK) bagi tahun 2018.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pengagihan dividen itu yang naik sebanyak 0.7 peratus, melibatkan peruntukan sebanyak RM7.6 juta berbanding RM7.5 juta pada 2017 dilakukan serta-merta.

"DPK mencatatkan keuntungan sebanyak RM9.9 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 dan menetapkan polisi dividen diagihkan tidak melebihi kadar maksimum ditetapkan.

"Walaupun kadar dividen menurun daripada 10 peratus pada 2017 kepada 8 peratus pada 2018, DPK mampu memberikan pulangan kompetitif dan melebihi kadar inflasi secara konsisten," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Nafas di Tropicana Golf & Country Club di sini semalam.



SALAHUDDIN menunjukkan jumlah dividen DPK ketika Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Nafas di Petaling Jaya semalam.

Bagi meningkatkan daya tahan, katanya, DPK akan terus fokus kepada strategi pembiayaan dan kepelbagaian portfolio perbendaharaan sekali gus memberi pulangan memberangsangkan kepada ahlinya pada masa akan datang.

"DPK juga akan terus berusaha mempertingkat prestasi bagi mengukuhkan kedudukan dengan mempelbagai aktiviti pelaburan termasuk pelaburan berisiko rendah dan sederhana rendah selain meneroka produk pembiayaan baharu.

"Kita berharap dengan kepimpinan baharu serta usaha yang diambil, para pelabur akan berpeluang menikmati dividen yang lebih tinggi dan konsisten setiap tahun," jelasnya.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Headline | Nafas approves 8 per cent dividend payout for 2018 — Salahuddin | | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | | |
| Date | 18 Jun 2019 | Color | Full Color | |
| Section | Home | Circulation | 60,767 | |
| Page No | 8 | Readership | 182,301 | |
| Language | English | ArticleSize | 285 cm² | |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,886 | |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 11,659 | |



# Nafas approves 8 per cent dividend payout for 2018 — Salahuddin

**PETALING JAYA:** The National Farmers Organisation (Nafas) has approved a 2018 dividend payout of eight per cent for the 5,110 investors of its Farmers' Special Investment Scheme (SPKP) run under the National Farmers Fund (DPK).

Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub said the distribution of the payouts, an increase of 0.7 percent and totalling RM7.6 million compared to RM7.5 million in 2017, will be done immediately.

"DPK posted a RM9.9 million profit in the financial year ended Dec 31, 2018 and set a dividend distribution policy that should not exceed the maximum rate allowed.

"Although the (dividend) rate had dropped from 10 percent in 2017 to eight percent in 2018, DPK is still managing competitive payouts which exceeds inflation rate in a consistent manner," he said when met at the Aidilfitri reception hosted by Nafas at the Tropicana Golf and Country Club yesterday.

Salahuddin said to boost sustainability, DPK will continue to focus on financing strategies and the diversification of treasury portfolios, allowing encouraging returns for its members in the future.

DPK will also continue its efforts for strong performances to consolidate its position by diversifying its investments, including low and mid risk investments, besides exploring new financing products.

"We hope that the new leadership that took over after Nafas' suspension in June 2018 to January this year, and with all other efforts taken, investors will stand to enjoy higher and more consistent dividend payouts yearly," he added. — Bernama



(Back, from left) Majang and Zhou in a photo-call with the children from Peryatim Bintulu after the presentation of 'duit raya'.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 8 pct dividend from Nafas | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 18 Jun 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A9 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 106 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,091 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,273 |



# 農民組織派息8%

## 5119投資者受惠

（吉隆坡17日讯）农业及农基工业部长沙拉胡丁阿育宣布，全国农民组织会派息8%给旗下2018年农民特别投资基金计划的5119名投资者。

他指出，这2018年的分红为760万令吉，比2017年的750万令吉，上升了0.7%。

“全国农民基金会截至去年12月31日，得益990万令吉，并发行不超过设定的最高税率股息。”

沙拉胡丁阿育今日出席全国农民组织开斋节庆典後，这麼说。

“虽然派息从2017年的10%下降到2018年的8%，但全国农民基金会可以提供有竞争力的回报，并持续应付通货膨胀率。”

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/6/2019 | KOSMO | NEGARA | 17 |

# Tiada lambakan durian di seluruh negara

**SEREMBAN** – Tiada lambakan durian dalam negara dilaporkan setakat ini dan permintaan terhadap raja buah itu kian meningkat, kata Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Ahmad Ishak.

Beliau berkata, pembekalan durian untuk pasaran tempatan untuk pasaran luar negara juga mencukupi, sekali gus dapat mengatasi masalah lambakan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Kali ke-16 Kelab Sukan FAMA Negeri Sembilan yang disempurnakan oleh Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun, di sini, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/6/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 11 |

# Tiada lambakan durian di Malaysia setakat ini

SEREMBAN - Permintaan terhadap durian dilaporkan semakin meningkat sekali gus tidak berlaku lambakan buah itu di negara setakat ini.

Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Ahmad Ishak berkata, permintaan terlalu tinggi sama ada dari dalam dan luar negara menyebabkan raja buah itu ditunggu-tunggu.

Menurutnya, selain dieksport ke luar negara, permintaan luar biasa terhadap produk berasaskan durian terutama tempoyak mengatasi masalah lambakan durian di negara ini.

"Durian boleh diproses menjadi pes untuk kegunaan produk dan pasaran.

"Baru-baru ini, hasil tinjauan kita dapati keperluan tempoyak untuk tujuan masakan oleh kebanyakan pengusaha restoran dari Pahang, Negeri Sembilan dan Lembah Klang memerlukan satu juta kilogram durian.

"Ia satu angka yang besar dan kita dapati permintaan durian kampung juga sangat meningkat dan begitu juga permintaan ke atas segmen produk yang diproses daripada durian," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Dwi Tahunan ke-16 Kelab Sukan FAMA Negeri Sembilan di sini semalam.



**Ahmad (depan, empat dari kiri) dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun (depan lima dari kiri) bergambar bersama kakitangan FAMA Negeri Sembilan semalam.**

Beliau berkata, produk berasaskan durian juga meningkat seperti durian crepe, kuih-muih dan biskut melengkapkan lagi pembangunan pasaran produk raja buah itu.

Beliau berkata, pertambahan lokasi penanaman juga menjadikan lebih ramai petani mengusahakan tanaman buah jenis berkualiti tinggi seperti musang king, durian duri hitam dan sebagainya.

Ahmad turut memaklumkan sepanjang tahun lalu lebih RM70 juta buah durian iaitu bersamaan 300,000 tan metrik dieksport ke China.

Katanya, permintaan tinggi negara luar membantu meningkatkan pasaran buah dengan baik.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/6/2019 | BERITA HARIAN | MASYARAKAT | 60 |

# Permintaan tempoyak cecah sejuta kilogram

**Penjualan durian proses, eksport buah sejuk beku elak lambakan**

**Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi**
tuty@bh.com.my

**Seremban**

Permintaan tempoyak oleh restoran yang semakin tinggi ketika ini sehingga mencecah sejuta kilogram, dapat mengelak berlaku masalah lambakan durian, kata Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Ahmad Ishak.

Beliau berkata, hasil tinjauan pihaknya mendapati keperluan itu meningkat terutama di Pahang, Negeri Sembilan dan Lembah Klang.

"Itu satu angka besar, malah turut menyebabkan harga tempoyak meningkat mendadak daripada RM10 sekilogram kepada RM30 sekilogram pada masa ini.

"Ini jelas menunjukkan permintaan bagi durian yang diproses semakin bertambah, sekali gus dapat mengelak daripada berlaku lambakan durian," katanya selepas Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Kali Ke-16 Kelab Sukan FAMA di sini, semalam.

Majlis itu disempurnakan Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, selain permintaan tempoyak, usaha kerajaan mengeksport buah tempatan itu ke luar negara juga dapat membantu mengatasi masalah lambakan.



*Ahmad Ishak*

Katanya, setakat ini hampir 27 negara yang mengimport durian berkualiti dari Malaysia termasuk China, Singapura, Hong Kong, Australia dan Kanada.

## Nilai eksport RM70j

"Malah tahun lalu saja, kita berjaya mengeksport durian ke China bernilai RM70 juta dan berharap jumlah ini akan terus bertambah memandangkan kali ini kita dibenar mengeksport durian sejuk beku.

"Saya yakin hasil pasaran tempatan dan luar negara, selain penjualan pelbagai durian diproses, tidak akan berlaku isu lambakan durian di negara ini," katanya.

Beliau berkata, usaha mengeksport durian diharap dapat menjadikan Malaysia antara negara pengeluar durian terbesar dunia kerana negara berjaya menghasilkan durian berkualiti tinggi seperti Musang King dan Black Thorn.

Malah, katanya, selain durian dari Pahang, durian dari Kuala Pilah dan Jelebu, di sini, juga kini semakin berkualiti tinggi hasil tanaman di tanah bersesuaian.

"Bagaimanapun, jika masih berlaku lambakan durian, FAMA bersedia membantu menghasilkan makanan lain seperti durian 'crepe', 'mochi' dan biskut dalam usaha memperluaskan pasaran durian yang diproses," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Project to help Felda settlers | | |
| MediaTitle | The Star (Metro South and East) | | |
| Date | 18 Jun 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 19,900 |
| Page No | 1,3 | Readership | 59,700 |
| Language | English | ArticleSize | 458 cm² |
| Journalist | REMAR NORDIN | AdValue | RM 6,427 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,282 |





# Sweet venture in Johor

Johor plans to turn Felda Taib Andak in Kulai, Johor into a stingless bee honey producing hub to help settlers earn some extra income. >3

# Project to help Felda settlers

## Felda Taib Andak to be turned into a stingless bee honey producing hub


By REMAR NORDIN
newsdesk@thestar.com.my


**KULAI:** Johor is planning to develop Felda Taib Andak as a hub to produce stingless bee honey (madu kelulut) to help generate income for its settlers.

State Islamic Religious Affairs, Agriculture and Rural Development Committee chairman Tosrin Jarvanthi said the pilot project will begin in July, involving 25 settlers.

"The majority of the land in this area are plantations and as stingless bee honey production does not require a big plot of land, Felda Taib Andak is the perfect location.

"The state government will send those interested to workshops in Ayer Hitam to learn the processes involved," he said at his Hari Raya Aidilfitri open house in Felda Taib Andak here.

The Bukit Permai assemblyman said Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) and state Agricultural Department supported the project.

"We hope that in the long run, every settlers' house will have at least one stingless bee hive, either for their own consumption or to sell and earn some extra income," he added.



Tosrin (left) greeting guests at the Hari Raya Aidilfitri open house in Felda Taib Andak in Kulai.

On another matter, Tosrin said Johor was looking at turning unused land belonging to the state or agencies into durian plantations.

"Now we have one prominent location, Mersing, to grow durians and we want to open up more areas for this venture.

"However, the durians planted will not be D24 or Musang King variety, instead it will be *durian kampung*," he said.

He said Johor Mentri Besar Datuk Dr Sahruddin Jamal was expected to make the official announcement on the project during the state Agricultural Day celebrations on June 28.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/6/2019 | SINAR HARIAN | SENTRAL | 22 |

# Inovasi sedut madu kelulut

***Sleek Pump mudahkan kerja sedut madu tanpa jejas kualiti***

NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN

**KUANTAN**

Sleek Pump ciptaan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) dapat membantu memudahkan pengusaha madu kelulut menyedut madu tanpa menjejaskan kualitinya.

Inovasi hasil penyelidikan Dr. Mohamad Firdaus Basrawi, Dr. Daing Mohamad Nafiz Daing Idris, Dr. Mohd Hazwan Yusof, Dr. Mohd Yusof Taib, Abdullah Inrahim Mahmoud Al Anati, Luqman Abdul Halim dan Siti Sarah Shaikh Mohd Raziff ini mengambil masa tiga tahun untuk disiapkan bermula pada 2016 dan siap sepenuhnya tahun lalu.

Ketua Penyelidik projek tersebut, Dr. Mohamad Firdaus Basrawi, 34 yang juga Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan UMP berkata, pada peringkat awal produk itu digunakan dan diuji seramai 30 orang penternak daripada Persatuan Usahawan Kelulut Pahang.

Menurutnya, hasil maklum balas diterima daripada penternak terlibat, mereka ternyata berpuas hati dengan fungsi pam tersebut kerana sedutan lebih laju berbanding produk atau kaedah lain dan bateri yang digunakan lebih tahan lama sehingga empat jam.

"Penggunaan alat ini juga dapat menghasilkan madu yang lebih berkualiti dan kurang berbuih.

"Kebanyakan penggemar madu tidak menyukai madu yang terlalu banyak berbuih sehingga kadangkala boleh menyebabkan botol penyimpanan pecah," katanya.

Dr. Mohamad Firdaus berkata, dengan menggunakan Sleek Pump, madu dari kantung yang disedut dapat terus dimasukkan ke dalam botol.

'Kaedah ini lebih cepat kerana tidak perlu menunggu proses mendapan buih yang mengambil masa seminggu hingga sebulan," katanya.



Dr. Mohamad Firdaus (tengah) bersama kumpulan penyilidik yang menghasilkan Sleek Pump.

Beliau berkata, Sleek Pump berpotensi untuk dikomersialkan memandangkan terdapat mempunyai lebih 4,000 orang penternak madu kelulut di seluruh negara.

"Di Pahang sahaja ahli yang berdaftar dengan Persatuan Usahawan Kelulut Pahang (PUKP) seramai 110 orang dengan anggaran madu dihasilkan mencecah 1,400 kilogram sebulan.

"Pihak persatuan juga pernah menyuarakan hasrat agar UMP dapat membantu menyediakan kaedah bagi menyedut atau menuai hasil madu yang lebih mudah dan murah. Maka bermula dari situlah idea penghasilan penyedut madu ini dihasilkan," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini pelbagai kaedah digunakan untuk menyedut madu antaranya dengan menggunakan penyedut minuman, picagari dan ada juga yang menggunakan pam.

"Kita dapati kaedah tersebut mempunyai pelbagai masalah termasuk madu kurang berkualiti, madu berbuih, sedutan perlahan dan sebagainya," katanya.

Menurutnya produk itu dalam proses untuk dipasarkan dengan harga ditawarkan antara RM500 hingga RM600 seunit," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/6/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 15 |

# Serai Beranang paling laris

***Mukim Beranang merupakan pengeluar serai terbesar di Malaysia***

SEMENYIH

Tatkala menjejakkan kaki ke Kampung Sasapan Batu Minangkabau di Beranang, dekat sini penulis terpegun melihat hamparan ladang serai yang menghijau dan luas terbentang.

Boleh dikatakan setiap rumah penduduk kampung di situ mempunyai tanaman serai untuk kegunaan sendiri.

Ini memandangkan serai memang banyak digunakan dalam hidangan setiap hari, bukan sahaja oleh masyarakat Melayu, malah turut menjadi kemestian penduduk di Indonesia, Thailand, Sri Lanka dan India.

Selain terkenal sebagai 'ubat' penghalau nyamuk serta pelbagai serangga, serai juga mempunyai kegunaannya yang lain sama ada untuk tujuan kesihatan mahupun perubatan kerana khasiatnya yang tersendiri.

Mungkin ramai tidak tahu bahawa Beranang yang terletak kira-kira 10 kilometer dari Semenyih di daerah Hulu Langat adalah antara pengeluar serai terbesar di Malaysia.

Jadi, tidak hairanlah jika terdapat kira-kira 500 penduduk di seluruh Beranang mengusahakan ladang serai secara kecil-kecilan yang keseluruhannya merangkumi tanah seluas kira-kira antara 283 hingga 324 hektar untuk tujuan komersial.



Salah seorang pekerja di ladang serai di Kampung Sesapan Batu Minangkabau, Beranang mengikat serai jenis peha ayam untuk dihantar kepada pemborong.



Nor Azman menunjukkan serai jenis peha ayam miliknya di Kampung Sesapan Minangkabau.

### *Serai ganti padi*

Penduduk kampung berkenaan, Nor Azman Md Said, 44, yang mengusahakan tanaman serai di tanah seluas 2.4 hektar berkata, sejak 30 tahun lalu, kebanyakan tanah di Beranang yang asalnya sawah padi mula ditanam dengan serai berikutan masalah sistem saliran yang menyebabkan para petani tidak dapat bersawah lagi.

"Memandangkan keadaan geografi tanah di sini seperti tanah liat, penduduk mengambil keputusan untuk menanam serai kerana tanaman itu memerlukan tanah yang lembab sama seperti padi tetapi mudah dijaga.

"Serai di Beranang sentiasa mendapat permintaan tinggi sehingga tidak kurang lima tan sehari daripada pasar-pasar borong, restoran-restoran dan kilang-kilang di Lembah Klang, Negeri Sembilan dan Melaka," katanya ketika ditemui *Bernama* baru-baru ini.

Menurut Nor Azman yang merupakan generasi kedua keluarganya mengusahakan tanaman itu, terdapat beberapa jenis serai yang ditanam iaitu serai peha ayam, serai gajah dan serai kampung.

"Permintaan terhadap serai gajah kebanyakannya diterima dari sekitar Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Serai jenis itu tidak berapa wangi, namun boleh mencapai sehingga setinggi satu setengah kaki (45.7 sentimeter) dan batang serai yang lebih besar," jelas beliau sambil menambah bahawa serai gajah lebih sesuai untuk hidangan tradisional negeri berkenaan.

Menjelaskan lanjut, beliau berkata, serai peha ayam yang banyak ditanam di kampungnya mengambil masa kira-kira enam bulan untuk matang sebelum boleh dituai. Serai jenis ini sangat wangi dan sesuai untuk masakan seperti tomyam.

"Kalau ditanya permintaan serai di pasar-pasar di Beranang, memang tak laku kerana setiap rumah di sini tanam serai sendiri," katanya berseloroh.

Bagaimanapun, katanya, isu utama timbul apabila pengusaha di situ tidak dapat menampung permintaan serai yang melebihi bekalan sedia ada.

"Serai yang baharu ditanam mengambil masa lima hingga lapan bulan untuk dituai, jadi kami perlu pastikan bekalan serai sentiasa ada dan jika tidak cukup maka kuranglah pendapatan kami," katanya.

Harga seikat serai (4kg) ketika ini adalah RM11 dan pada kadar itu sememangnya memberi keuntungan lumayan di mana hasil daripada jualan bagi satu ekar (0.4 hektar) tanaman serai boleh mencecah RM7,000 hingga RM8,000.

Pengurus dan Penolong Pegawai Ekonomi Pertubuhan Peladang Kawasan Beranang, Shafeq Mahzan Mohd Amin berkata, hampir 80 peratus ekonomi penduduk di sekitar Beranang dijana melalui jualan serai.

"Memandangkan terdapat kira-kira 500 pengusaha serai di sini, kami sedang berusaha untuk mengumpulkan mereka di bawah satu bumbung supaya aktiviti berkaitan serai dapat dijalankan dengan lebih sistematik," katanya. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/6/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 24 |






PEKERJA ladang di Kampung Sesapan Batu Minangkabau mengikat serai untuk dihantar kepada pemborong di sekitar Lembah Klang.

# Hamparan serai

## Penduduk Beranang usaha tanaman seluas 324 hektar

**Semenyih**

Tatkala menjejakkan kaki ke Kampung Sasapan Batu Minangkabau di Beranang, penulis terpegun melihat hamparan ladang serai yang menghijau, luas terbentang.

Boleh dikatakan setiap rumah penduduk kampung di situ mempunyai tanaman serai untuk kegunaan sendiri.

Ini memandangkan serai memang banyak digunakan dalam hidangan setiap hari, bukan sahaja oleh masyarakat Melayu, malah turut menjadi kemestian penduduk di Indonesia, Thailand, Sri Lanka dan India.

Selain terkenal sebagai 'ubat' penghalau nyamuk serta pelbagai serangga, serai juga banyak kegunaannya sama ada untuk tujuan kesihatan mahupun perubatan kerana khasiatnya yang tersendiri.

Mungkin ramai tidak tahu Beranang yang terletak 10 kilometer dari Semenyih di daerah Hulu Langat antara pengeluar serai terbesar di Malaysia.

Jadi, tidak hairanlah jika terdapat 500 penduduk di seluruh Beranang mengusahakan ladang serai secara kecil-kecilan yang keseluruhannya merangkumi tanah seluas kira-kira antara 283 hingga 324 hektar untuk tujuan komersial.

Penduduk kampung berkenaan, Nor Azman Md Said, 44, yang mengusahakan tanaman serai di tanah seluas 2.4 hektar berkata, sejak 30 tahun lalu, kebanyakan tanah di Beranang yang asalnya sawah padi mula ditanam dengan serai berikutan masalah sistem saliran yang menyebabkan petani tidak dapat bersawah lagi.

> **FAKTA**
> Beranang antara pengeluar serai terbesar di Malaysia

"Memandangkan keadaan geografi tanah di sini seperti tanah liat, penduduk mengambil keputusan untuk menanam serai kerana tanaman itu memerlukan tanah yang lembap sama seperti padi tetapi mudah dijaga.

"Serai di Beranang sentiasa mendapat permintaan tinggi sehingga tidak kurang lima tan sehari daripada pasar borong, restoran dan kilang di Lembah Klang, Negeri Sembilan dan Melaka," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Menurut Nor Azman yang juga generasi kedua keluarganya mengusahakan tanaman itu, terdapat beberapa jenis serai yang ditanam iaitu serai paha ayam, serai gajah dan serai kampung.

"Permintaan terhadap serai gajah kebanyakannya diterima dari sekitar Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Serai jenis itu tidak berapa wangi, namun boleh mencapai sehingga setinggi satu setengah kaki (45.7 sentimeter) dan batang serai yang lebih besar," jelas beliau sambil menambah, serai gajah lebih sesuai untuk hidangan tradisional negeri berkenaan.

Menjelaskan lanjut, beliau berkata, serai paha ayam yang banyak ditanam di kampungnya mengambil masa kira-kira enam bulan untuk matang sebelum boleh dituai. Serai jenis ini sangat wangi dan sesuai untuk masakan seperti tomyam.

"Kalau ditanya permintaan serai di pasar-pasar di Beranang, memang tak laku kerana setiap rumah di sini tanam serai sendiri," katanya berseloroh.

Bagaimanapun, katanya, isu utama timbul apabila pengusaha di situ tidak dapat menampung permintaan serai yang melebihi bekalan sedia ada.

"Serai yang baharu ditanam mengambil masa lima hingga lapan bulan untuk dituai, jadi kami perlu pastikan bekalan serai sentiasa ada dan jika tidak cukup maka kuranglah pendapatan kami," katanya.

Harga seikat serai (4kg) ketika ini adalah RM11 dan pada kadar itu sememangnya memberi untung lumayan di mana hasil daripada jualan bagi satu ekar (0.4 hektar) tanaman serai boleh mencecah RM7,000 hingga RM8,000.

Pengurus dan Penolong Pegawai Ekonomi Pertubuhan Peladang Kawasan Beranang, Shafeq Mahzan Mohd Amin berkata, hampir 80 peratus ekonomi penduduk di sekitar Beranang dijana melalui jualan serai.

"Memandangkan terdapat kira-kira 500 pengusaha serai di sini, kami sedang berusaha untuk mengumpulkan mereka di bawah satu bumbung supaya aktiviti berkaitan serai dapat dijalankan dengan lebih sistematik dan terurus," katanya.

– Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/6/2019 | THE STAR | NATION | 14 |

# A growing village economy

## Lemongrass farmers savour sweet smell of success



**In high demand:** A farmhand preparing harvested lemongrass for transport to wholesalers in the Klang Valley. — Bernama

**SEMENYIH:** From a distance, the sprawling green fields of tufted grass in Kampung Sasapan Batu Minangkabau resemble padi fields.

On closer inspection, one will get to see clumps of lemongrass, or serai as it is known in Bahasa Malaysia, growing in abundance.

This rustic village and the surrounding areas of Beranang, about 10km from Semenyih in the Hulu Langat district of Selangor, are among the largest producers of high-quality lemongrass in the country.

Lemongrass, a perennial tropical grass with long, sharp-edged blades, is known for its slightly sharp and lemony flavour that titillates the taste buds.

Its aromatic bulbous stalk is widely used in Malay, Indonesian, Thai, Sri Lankan and Indian cooking.

Lemongrass is also said to have a host of health benefits. It is turned into essential oil and also used as a mild insect repellent.

In a place where almost every household has several clumps of lemongrass growing in their front yard for their own use, some 500 villagers in Beranang have planted lemongrass on their smallholdings, covering an estimated 283 to 324ha, for commercial purposes.

Their daily yields of not less than five tonnes are snapped up by wholesale markets, factories and restaurants in the Klang Valley, as well as in Negri Sembilan, Melaka and Johor.

Among the villagers in Kampung Sasapan Batu Minangkabau who have their own lemongrass smallholding is Nor Azman Md Said, 44, who has a 2.4ha plot.

He said 30 years ago, Beranang had a lot of padi fields but over the years the drainage system in the area became problematic, leading to many of the farmers giving up padi cultivation.

"The villagers then decided to plant lemongrass as they knew the clay soil was suitable for its cultivation. Like padi, lemongrass grows well in moist soil, and is easy to maintain too," he said.

Nor Azman, who took over the lemongrass smallholding from his father, said several types of lemongrass such as *serai peha ayam*, *serai gajah* and *serai kampung* were grown in Beranang.

His kampung itself is known for *serai peha ayam* which, he said, matures within six months and yields aromatic and thick stalks suitable for preparing dishes like tom yam.

"There's good demand for *serai gajah* in Negri Sembilan, Melaka and Johor.

"This particular lemongrass is less aromatic but its stalk is thick and the plant grows to a height of one and a half feet (45.7cm)," he said, adding that the more subtle aroma of *serai gajah* suited the traditional dishes of the three states.

"In the markets in Beranang, lemongrass does not sell well simply because most of the people here grow their own lemongrass," he added, smiling.

Nor Azman said the local farmers, however, were not able to cope with the high demand for their lemongrass.

"As it is now, we have used up all our land for the cultivation of lemongrass.

"And, after cultivating it, we have to wait for five to eight months before we can harvest," he said.

Nor Azman said a bunch of lemongrass weighing about four kilogrammes can fetch about RM11, while the yield from a one-acre (0.4ha) plot can rake in some RM7,000 to RM8,000 in earnings.

Farmers Organisation Authority Beranang area manager Shafeq Mahzan Mohd said almost 80% of the income of the local community is generated from the sale of lemongrass. — Bernama